SULIT
3756/1
PRINSIP
AKAUN
NOVEMBER 2001
3 JAM

3756/1

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
***DENGAN KERJASAMA***
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

# PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001

## TINGKATAN EMPAT

# PRINSIP AKAUN

**Tiga jam**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

***Arahan***

1. **Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut:**

| | |
|---|---|
| Buku Tunai | 2 helai |
| Jurnal | 2 helai |
| Lejer | 7 helai |
| Lembaran Kerja | 1 helai |

2. **Jawab semua soalan**
3. **Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah**
4. **Semua Jalan kerja hendaklah ditunjukkan**

**Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak**

 © 2001 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

**( Jawab Semua Soalan )**

1. Pada 1 September 2001, Encik Idris Ali memulakan perniagaan 'Farmasi Drisali', sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di bandar Kemasik, Terengganu dengan modal, tunai di tangan RM500 dan tunai di bank RM15 500. Beliau dibantu oleh seorang pekerja, Malaphaty a/p Lingam.

   Urus niaga sepanjang bulan September 2001 adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Lampiran A.

   Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan yang diberi dalam **Lampiran A**, anda dikehendaki menyediakan :

   (a) catatan dalam buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan)

   **[ 11½ markah ]**

   (b) catatan dalam lejar berkenaan

   **[ 10½ markah ]**

   (c) Imbangan Duga pada 30 September 2001.

   **[ 7 markah ]**

2. Encik Osman adalah pemilik sebuah perniagaan runcit yang sedang beroperasi di Dungun, Terengganu. Berikut adalah Imbangan Duga Kedai Runcit Osman pada 30 September 2001:

**Kedai Runcit Osman**

**<u>Imbangan Duga pada 30 September 2001</u>**

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Modal | | 105 151 |
| Stok pada 1 Oktober 2000 | 26 170 | |
| Belian | 68 540 | |
| Jualan | | 97 660 |
| Diskaun diberi | 570 | |
| Pulangan belian | | 532 |
| Premis | 85 000 | |
| Alatan kedai | 7 800 | |
| Upah dan gaji | 9 900 | |
| Peruntukan susut nilai premis | | 8 500 |
| Kadar bayaran | 1 076 | |
| Insurans | 490 | |
| Bank | 10 876 | |
| Penghutang | 9 600 | |
| Tunai | 505 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 300 |
| Pemiutang | | 8 384 |
| | 220 527 | 220 527 |

**Maklumat tambahan:**

( i ) Stok pada 30 September 2001 bernilai RM23 400

( ii ) Ambilan barang niaga bernilai RM210 untuk tujuan promosi perniagaan

( iii ) Gaji terdahulu RM540

( iv ) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang

( v ) Premis disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki** menyediakan Lembaran Kerja bagi tahun berakhir 30 September 2001.

**[ 19 markah ]**

3. Berikut ialah Imbangan Duga Perniagaan Fatin seorang peruncit di Bandar Permaisuri, Terengganu pada 30 Jun 2001.

**Perniagaan Fatin**

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2001**

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Modal | | 70 000 |
| Stok pada 1 Julai 2000 | 11 350 | |
| Belian | 29 250 | |
| Jualan | | 60 325 |
| Pulangan belian | | 385 |
| Pulangan jualan | 270 | |
| Diskaun diterima | | 305 |
| Angkutan Masuk | 520 | |
| Gaji | 11 400 | |
| Kenderaan (kos) | 12 000 | |
| Premis | 50 000 | |
| Peruntukan susutnilai kenderaan | | 1 200 |
| Kadar bayaran | 780 | |
| Belanja promosi | 390 | |
| Insurans | 800 | |
| Tunai | 330 | |
| Bank | 12 475 | |
| Penghutang | 7 500 | |
| Pemiutang | | 4 850 |
| | 137 065 | 137 065 |

**Maklumat Tambahan:**

( i ) Stok pada 30 Jun 2001 bernilai RM12 530 pada harga kos dan RM11 180 pada harga pasaran.

( ii ) Kadar bayaran bulan Jun 2001 terakru RM120

( iii ) Kenderaan di susutnilaikan 10% setahun atas kos

( iv ) Wujudkan peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

( a ) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2001 **[ 10 ½ markah ]**

( b ) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2001 (bentuk penyata) **[ 7 ½ markah ]**

4. Berikut ialah Kunci Kira-kira Perniagaan Seri Puteri pada 30 September 2001

**Kunci Kira-Kira pada 30 September 2001**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Alatan Kedai | 7 900 | Modal | 25 000 |
| Stok | 12 650 | Pemiutang | 4 790 |
| Penghutang | 4 100 | | |
| Bank | 5 140 | | |
| | 29 790 | | 29 790 |

Urus niaga perniagaan sepanjang bulan Oktober 2001 adalah seperti berikut :

( i ) Beli stok secara kredit RM1 800

( ii ) $\frac{1}{5}$ dari jumlah stok dijual secara tunai dengan harga RM3 468 dan dibankkan.

( iii ) Bayar hutang dengan cek RM2 625

( iv ) Terima cek daripada penghutang RM1 600

( v ) Sebuah komputer milik peribadi RM4 100 dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan

( vi ) Bayar gaji pekerja dengan cek RM410

( vii ) Keluarkan cek RM340 untuk kegunaan peribadi

( viii) Baki seorang penghutang RM80 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

**Anda dikehendaki** menyediakan semula Kunci Kira-Kira pada 31 Oktober 2001 selepas mengambil kira urus niaga di atas.

**[ 12 Markah ]**

5. Puan Liza ialah pemilik "Liza Enterprise". Tempoh perniagaannya berakhir 31 Disember setiap tahun. Pada 1 Julai 2000, beliau telah membeli sebuah kenderaan dengan harga RM50 000 dan bercadang untuk menyusut nilai kenderaan tersebut pada setiap akhir tahun perniagaan. Tetapi beliau tidak tahu samada ingin menggunakan kaedah ansuran tetap atau baki berkurangan.

(a) Anda diminta membantu mengira susut nilai kenderaan tersebut dengan mengisi ruangan pengiraan di bawah:

**(i) 20% setahun atas kos (ansuran tetap)**

| **Tahun** | **Pengiraan** | **Jumlah susut nilai** |
|---|---|---|
| 2000 | | |
| 2001 | | |

**(3 markah)**

**(ii) 20% setahun atas baki berkurangan.**

| **Tahun** | **Pengiraan** | **Jumlah susut nilai** |
|---|---|---|
| 2000 | | |
| 2001 | | |

**[ 3 markah ]**

( b ) Dari maklumat a ( i ) di atas, **anda dikehendaki** menyediakan :

( i ) Akaun Peruntukan Susutnilai bagi tahun 2000 dan 2001

**[ 3 markah ]**

( ii ) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 dan 2001

**[ 1 markah ]**

( iii ) Kunci kira-kira pada 31 Disember 2000 dan 2001

**[ 2 markah ]**

6. **Anda dikehendaki** mengira dan merekod pelarasan belanja dan hasil dalam ruangan Akaun Untung rugi dan Kunci kira-kira di bawah:

**(Calon dikehendaki menjawab di atas kertas soalan ini)**

| Bil | Imbangan Duga | Terakru | Terdahulu | A/k Untung Rugi | | Kunci Kira-kira | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Komponen | Butiran & nilai | Komponen | Butiran & nilai |
| ***Contoh:*** | ***Gaji RM4000*** | ***RM800*** | - | ***Belanja*** | ***Gaji RM4 800*** | ***Liabiliti Semasa*** | ***Gaji/ Gaji Terakru RM800*** |
| (a) | Kadar bayaran RM1 200 | RM55 | - | | | | |
| (b) | Insurans RM360 | | RM60 | | | | |
| (c) | Faedah diterima RM120 | RM80 | - | | | | |
| (d) | Hasil Sewa RM2 000 | - | RM400 | | | | |

**[ 10 markah ]**

**LAMPIRAN A**

# DOKUMEN PERNIAGAAN

**Haribulan** : 2 September 2001

**Penerima** : Encik Alex Choo

**Kerana** : Deposit sewa

| | Ringgit | Sen |
|---|---|---|
| **Baki akhir** | 15 500 | 00 |
| **Dimasukkan** | ------- | ----- |
| **Jumlah** | 15 500 | 00 |
| **Cek ini** | 1 050 | 00 |
| **Baki** | 14 450 | 00 |

**No. 615000**

**KERATAN CEK**

**Dokumen 1**

**ASAL**

FARMASI KOTA
70 Jalan Engku Sar
Kuala Terengganu

NO. : 05745

**Kepada**
Farmasi Drisali
15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**INVOIS**

**Tarikh** : 3 September 2001

| KUANTITI | BUTIR | HARGA SEUNIT RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|
| 1 kotak | Panadol | 1 440.00 | 1 440.00 |
| 5 botol | Panadol Syrup | 80.00 | 400.00 |
| 10 dozen | Ubat batuk "Woods" | 46.00 | 460.00 |
| 20 dozen | SP Sore Throat | 6.00 | 120.00 |
| 200 botol | Vitamin C - Provite | 12.50 | 2 500.00 |
| 50 botol | Evening Primrose | 35.00 | 1 750.00 |
| | | | 6 670.00 |
| | **Tolak : Diskaun Niaga 20%** | | 1 334.00 |
| | **JUMLAH** | | 5 336.00 |

( **Ringgit** : Lima ribu tiga ratus tiga puluh enam sahaja )

*Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari*

*K. & K. Di K*

*Idris Ali*

Penerima

*Zulkarnian*

Pengurus

**Dokumen 2**

**ASAL**

**ZAM EDAR KOMPUTER**
**Lot 2 Jalan Indah**
**Kemasik, Terengganu**

NO: 3286

**Jualan Tunai**

**Kepada**
Farmasi Drisali
15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Tarikh :** 5 September 2001

| **Bil.** | **BUTIR** | **HARGA SEUNIT RM** | **KUANTITI** | **JUMLAH RM** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Komputer | 3 800 | 1 unit | 3 800 |
| **JUMLAH** | | | | 3 800 |

( **Ringgit :** Tiga ribu lapan ratus sahaja )

**~~Tunai~~ / Cek No.:** BWMB 615001

*Idris Ali* — Penerima

*Salim* — Pengurus

**Dokumen 3**

**ASAL**

**FARMASI KOTA**
**70 Jalan Engku Sar**
**Kuala Terengganu**

No. 0315

**NOTA DEBIT**

**Kepada**
Farmasi Drisali
15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Tarikh :** 6 September2001

Akaun tuan telah didebit dengan perkara berikut :

| **Bil.** | **Perkara** | **Jumlah** |
|---|---|---|
| | Angkutan tertinggal caj dalam invois no. 05745 | 84.00 |
| | Jumlah | 84.00 |

( **Ringgit :** Lapan puluh empat sahaja )

*Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari*
*K. & K. Di K*

*Idris Ali* — Penerima

*Zulkarnian* — Pengurus

**Dokumen 4**

**SALINAN** BIL TUNAI No. 0001

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Kepada** **Tarikh : 8 September 2001**
Suzianti Munir

| **Bil** | **BUTIR** | **HARGA SEUNIT RM** | **KUANTITI** | **JUMLAH RM** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Panadol | 12.50 | 2 botol | 25.00 |
| 2. | Vitamin C - Provite | 15.00 | 2 botol | 30.00 |
| 3. | Evening primrose | 39.00 | 2 botol | 78.00 |
| | **JUMLAH** | | | 133.00 |

( **Ringgit** : Satu ratus tiga puluh tiga sahaja )

**Tunai / ~~Cek No.~~ :**

*Suzianti* — Penerima

*Idris Ali* — Pengurus

**Dokumen 5**

ASAL

MEDI'S PHARMACY
227 Jalan Beserah
Kuantan, Pahang

No. 8485

**Kepada**
Farmasi Drisali
15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

# INVOIS

**Tarikh : 10 September 2001**

| **KUANTITI** | **BUTIR** | **HARGA SEUNIT RM** | **JUMLAH RM** |
|---|---|---|---|
| 2 kotak | Vicks vaporub | 705.60 | 1 411.20 |
| 2 kotak | Tiger balm | 403.20 | 806.40 |
| 2 kotak | Eye Mo moist | 547.20 | 1 094.40 |
| 10 dozen | Bedak antiseptik | 36.00 | 360.00 |
| 10 paket | Kapas antiseptik | 54.00 | 540.00 |
| 10 dozen | Antiseptik - cecair | 28.80 | 288.00 |
| 10 kotak | Handyplus | 25.00 | 250.00 |
| | | | 4 750.00 |
| | Tolak : Diskaun niaga 20 % | | 950.00 |
| | **JUMLAH** | | 3 800.00 |

( **Ringgit** : Tiga ribu lapan ratus sahaja )

*Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari*
*Serahan : Angkutan dibayar*
*K. & K. Di K*

*Idris Ali* — Penerima

Mendy Wong — Pengurus

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**NO : 1 / 2001**

**MEMO**

**Tarikh** : 12 September 2001

***Pemilik mengambil barang niaga RM70.00 untuk kegunaan peribadi.***

*Idris Ali*

................................
Pengurus

**Dokumen 7**

SALINAN INVOIS No. 0001

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Kepada**
Klinik Penawar
No. 42 Wisma Tani
Kemasik, Terengganu

**Tarikh** : 15 September 2001

| **Bil.** | **BUTIR** | **HARGA SEUNIT RM** | **KUANTITI** | **JUMLAH RM** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Panadol Syrup | 90.00 | 2 botol | 180.00 |
| 2. | SP Sore Throat | 7.50 | 10 dozen | 75.00 |
| 3. | Bedak antiseptik | 45.00 | 5 dozen | 225.00 |
| 4. | Kapas antiseptik | 60.00 | 2 paket | 120.00 |
| | | | | 600.00 |
| | Tolak : Diskaun niaga 10 % | | | 60.00 |
| | **JUMLAH** | | | 540.00 |

( **Ringgit** : Lima ratus empat puluh sahaja )
*Syarat : 5 % 10 hari*
*K. & K. Di K*

Sadhili
Penerima

*Idris Ali*
Pengurus

**Dokumen 8**

**ASAL**

**FARMASI KOTA**
**70 Jalan Engku Sar**
**Kuala Terengganu**

NO: 4562

# RESIT RASMI

**Tarikh : 18 September 2001**

| | | |
|---|---|---|
| **Diterima daripada** | : | ***Farmasi Drisali*** |
| **Ringgit** | : | ***Lima ribu empat ratus dua puluh sahaja.*** |
| **Untuk bayaran** | : | ***Menjelaskan invois no. 05745 dan nota debit no. 0315*** |

RM5 420. 00

**~~Tunai~~ / Cek No.:** BWMB 615002

*Zulkanian*
....................................
Pengurus

**Dokumen 9**

---

**SALINAN**

## INVOIS

No. 0002

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Kepada**
Kelab Kembara
d/a SMK Kemasik
Kemasik, Terengganu

**Tarikh :** 21 September 2001

| **Bil.** | **BUTIR** | **HARGA SEUNIT RM** | **KUANTITI** | **JUMLAH RM** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Panadol | 14.30 | 4 botol | 57.20 |
| 2. | Kapas antiseptik | 60.00 | 1 paket | 60.00 |
| 3. | Antiseptik - cecair | 2.70 | 4 botol | 10.80 |
| 4. | Handy plus | 33.00 | 2 kotak | 66.00 |
| 5. | Tiger balm | 3.20 | 5 botol | 16.00 |
| | | | | 210.00 |
| | Tolak : Diskaun niaga 10 % | | | 21.00 |
| | **JUMLAH** | | | 189.00 |

( **Ringgit :** Satu ratus lapan puluh sembilan sahaja )

*Syarat : 5 % 10 hari*
*K. & K. Di K*

Azehan
Penerima

*Idris Ali*
Pengurus

**Dokumen 10**

SALINAN

# Farmasi Drisali

NO: 0001

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Tarikh :** 24 September 2001

## RESIT RASMI

| | | |
|---|---|---|
| **Diterima daripada** | : | *Klinik Penawar* |
| **Ringgit** | : | *Lima ratus tiga belas sahaja.* |
| **Untuk bayaran** | : | *Menjelaskan invois no. 0001 (tolak diskaun tunai RM27.00)* |

RM513. 00

**~~Tunai~~ / Cek No.:** BMMB 489569

*Idris Ali*
……………………
Pengurus

**Dokumen 11**

SALINAN

# NOTA Kredit

No. 0001

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

**Kepada**
Kelab Kembara
d/a SMK Kemasik
Kemasik, Terengganu

28 September 2001

| Bil. | BUTIR | HARGA SEUNIT RM | KUANTITI | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kapas antiseptik (pulangan barangan yang rosak) | 5.00 | 8 unit | 40.00 |
| | | | | 40.00 |
| | Tolak : Diskaun niaga 10 % | | | 4.00 |
| | **JUMLAH** | | | 36.00 |

(**Ringgit** : Tiga puluh enam sahaja)

*Idris Ali*
Pengurus

<table>
<tr><td colspan="8">SALINAN<br>**BANK WIRA(M) BERHAD**<br>Jalan Hang Setia<br>Kemasik, Terengganu</td></tr>
<tr><td colspan="8">**WANG TUNAI MASUK** Tarikh : 29 September 2001</td></tr>
<tr><td colspan="7">**NAMA :** ***Farmasi Drisali***</td><td>**NO. AKAUN : 031680004**</td></tr>
<tr><td colspan="7">**RINGGIT :**<br>***Empat ratus sahaja***</td><td>**KEGUNAAN PEJABAT :**<br>**Diluluskan :**<br>Sallehuddin</td></tr>
<tr><td>1000</td><td>100</td><td>50</td><td>20</td><td>10</td><td>5</td><td>2</td><td>**JUMLAH : *RM400.00***</td></tr>
<tr><td></td><td>2</td><td>4</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>**TANDATANGAN :** *Idris Ali*</td></tr>
</table>

**Dokumen 13**

**ASAL**

# Farmasi Drisali

15 Wisma Maju
Kemasik, Terengganu

NO: 0001/2001

**Baucer Pembayaran**

**Tarikh : 30 September 2001**

Perkara : Gaji pekerja bulan September 2001

| BIL. | KETERANGAN | NO. CEK | TANDATANGAN | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Malaphaty a/p Lingam | 615003 | Malaphaty | 550.00 |
| JUMLAH | | | | 550.00 |

( **Ringgit** : Lima ratus lima puluh sahaja )

Diluluskan oleh :
*Idris Ali*
.....................................
Pengurus

**Dokumen 14**

**SOALAN TAMAT**